

## INTEGRITI AKADEMIK

---

*...pegangan integriti akademik bukan sahaja dapat mewujudkan persekitaran akademik berbudaya cemerlang, sebaliknya ia mampu menghasilkan kepercayaan yang kukuh kepada pemegang taruh atau stakeholder terhadap peranan sektor pengajian tinggi secara keseluruhannya. Ini termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan kualiti pengajian tinggi, nilai untuk wang atau cara kita berbelanja, kebolehpasaran graduan dan sebagainya. Kegagalan sektor pengajian tinggi khususnya IPT untuk melunaskan integriti mereka dalam menjayakan peranan-peranan tersebut akan menjejaskan kepercayaan dan integriti pemegang taruh terhadap Kementerian Pengajian Tinggi pada akhirnya.*

*(Petikan ucapan Yb. Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Sempena Hari Integriti KPT 2010)*

Pengkhianatan terhadap integriti akademik berlaku bahawa sikap berat sebelah (*bias*) dalam dunia pendidikan dan permasalahan psikologi atau kejiwaan. Kaedah pembelajaran membolehkan integriti dalam bilik darjah dipertahankan (Hooks, 2010, p32). Walau bagaimanapun, tiada atau sangat sedikit perbincangan terhadap integriti di dalam bilik darjah dibuat. Sebilangan guru dan pelajar beranggapan integriti adalah konsep yang sudah lapuk dan hanya memberi makna yang

sedikit dalam dunia yang setiap orang berlumba-lumba untuk mencapai kecemerlangan (Hooks, 2010).

Pedagogi berasaskan penglibatan pelajar membolehkan integriti diraikan dan pelajar boleh menjadi jujur dan terbuka. Mereka boleh menyatakan rasa takut, menyuarakan bantahan terhadap pemikiran, berterus-terang dan berinteraksi secara terbuka. Ini membolehkan pembelajaran secara kolektif berlangsung. Pembelajaran yang sebenar membolehkan pencapaian sendiri diperoleh oleh pelajar secara tidak langsung. Pedagogi berasaskan penglibatan mementingkan pemikiran berdikari dan beranggapan bahawa setiap penemuan pelajar adalah suara yang unik. Penghargaan ini memperkasakan pelajar dengan keseronokan dalam memberi sumbangan pengetahuan (Hooks, 2010).

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2015) telah mengeluarkan garis panduan integriti akademik pada tahun 2011 untuk semua dalam proses pengajaran, penyelidikan dan khidmat am ahli akademik di seluruh negara. Secara umumnya, garis panduan integriti akademik dibangunkan untuk memupuk budaya cemerlang selaras dengan aspirasi untuk memartabatkan institusi pengajian tinggi di Malaysia agar menjadi institusi pendidikan yang berintegriti. Pelaksanaan garis panduan integriti akademik ini merangkumi empat fasa, iaitu fasa penjelasan, fasa pelaksanaan, fasa pembudayaan dan fasa pemantauan sepertimana dalam Rajah 7.1.

Nilai teras integriti akademik terdiri daripada tiga komponen utama iaitu amanah, bijaksana dan akauntabiliti atau kesediaan untuk memikul tanggungjawab. Amanah merujuk kepada kesungguhan dalam memenuhi kewajipan dan tanggungjawab sebagai ahli akademik. Ianya merangkumi penguasaan dan peningkatan ilmu, penyampaian atau pengajaran berkesan, berkhidmat dan memberi pandangan yang ikhlas, melaksanakan tugas, memenuhi skop kerja, berdedikasi dan menghindari rasuah serta penyalahgunaan kuasa.

Komponen bijaksana merujuk kepada pemeraksanaan elemen bijaksana sebagai identiti utama ahli akademik. Kebijaksanaan ahli akademik merangkumi keupayaan menggunakan akal budi dalam